

26/03/2001

PNB kekalkan pelaburan dalam sektor elektronik

Ridzuan Yop

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) akan terus melabur dalam sektor elektronik dan elektrik di negara ini walaupun sektor berkenaan menghadapi pertumbuhan perlahan berikutan kelembapan ekonomi dunia.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata PNB tidak akan menarik pelaburannya dalam sektor berkenaan semata-mata keadaan tidak menentu yang dialami oleh sektor terbabit.

Menurutnya, pembabitan PNB dalam sektor terbabit adalah untuk jangka panjang dan ia mahu mengekalkan pembabitan berkenaan pada masa senang dan susah.

"Kami tidak akan menarik pelaburan dalam sektor berkenaan kerana PNB melihat ia adalah suatu jalinan perhubungan jangka panjang dan kami akan mengekalkan hubungan itu," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis perasmian ekspedisi pandu misteri 'Kenali PNB 2001' di Hotel Equatorial, di Pulau Pinang, semalam.

Majlis ekspedisi pandu misteri atau acara mencari harta karun itu di rasmikan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang disertai lebih 125 kenderaan dengan lebih 500 peserta.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

Ahmad berkata, berdasarkan kepada pelbagai insentif yang diberi kerajaan kepada syarikat berkenaan ia akan meningkatkan keyakinan pelaburan asing terhadap kemampuan PNB.

"Begitu juga keyakinan kami (PNB) terhadap syarikat berkenaan adalah juga sama dan kami sedia berkongsi keadaan kelembapan itu bersama kerana kami melihat ia bagi jangka panjang," katanya.

Ketika ini, PNB turut melabur dalam 20 syarikat di Pulau Pinang yang kebanyakan terbabit dalam sektor elektronik dan elektrik.

Sehubungan itu, Ahmad berkata, PNB akan terus mempelbagaikan portfolio pelaburannya seperti perladangan, kewangan, pembuatan dan sebagainya bagi memastikan ia lebih seimbang dan tidak menjejaskan pelaburan PNB jika satu daripada sektor berkenaan terjejas.

Menurutnya, pelaburan PNB dalam pelbagai sektor berjaya mengurangkan risiko kerugian terutama ketika beberapa sektor pelaburan dalam syarikat yang menghadapi kelembapan dan tidak berdaya maju.

"Kami memegang kepada prinsip jangan menyimpan sejumlah telur dalam satu bakul dan dengan itu PNB berjaya meminimumkan risiko dan masih mampu memberi dividen yang tinggi kepada pelaburannya," katanya.

Sementara itu, katanya, acara yang diadakan itu adalah satu daripada aktiviti PNB sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 (MSAM 2001) yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April ini di Kota Bharu, Kelantan.

Menurutnya, pelbagai acara diadakan sempena minggu itu seperti forum pelaburan, seminar pelaburan antarabangsa, debat, pertandingan menulis esei dan kuiz pelaburan bagi meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai pelaburan dalam saham amanah.

Beliau berkata, tahap kesedaran serta pemahaman orang ramai terhadap pelaburan dalam saham amanah semakin meningkat berdasarkan kepada jumlah pelaburan dalam produk saham amanah PNB yang sekarang mempunyai kira-kira tujuh juta pelabur.

"Saya percaya melalui program yang diadakan orang ramai termasuk bukan Bumiputera akan terus yakin terhadap saham amanah yang diperkenalkan PNB,"

katanya.

Menurutnya, ini berdasarkan kepada Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dilancarkan tahun lalu yang memperuntukan sejumlah RM2 bilion habis dalam tempoh 20 hari selepas dilancar hingga ditambah kepada RM3 bilion.

(END)